

MUSLIMAT PENGGERAK KEMENANGAN PENYELAMAT UMMAH

IFTITAH

Yang dikasihi Puan Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia pemerhati-pemerhati PAS Pusat bagi muktamar ini,

Yang dikasihi YB Timbalan Ketua DMPP beserta saf kepimpinan DMPP,

Yang dikasihi Ketua-Ketua DMP Negeri dan Ketua-Ketua DMP Kawasan beserta para perwakilan,

Yang dihormati Wakil-wakil Dewan Himpunan Penyokong PAS dan para pemerhati,

Yang diraikan seluruh para tetamu yang terdiri daripada mantan-mantan Ketua DMPP, pimpinan-pimpinan wanita PAKATAN RAKYAT, YB-YB wanita PAKATAN RAKYAT, Isteri-isteri pimpinan AJK PAS Pusat dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Negeri, suami-suami AJK DMPP, veteran-veteran PAS, Wakil-wakil media, seterusnya para hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Para perwakilan, pemerhati
dan tetamu yang dihormati sekalian,

BETULKAN NIAT KITA

Firman Allah SWT pada surah al-An'am: ayat 162;

Yang bermaksud:

"Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, kegiatan hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Pemelihara dan Pentadbir seluruh alam."

Sekata dengan ayat tersebut marilah kita bersama berniat agar muktamar ini hanyalah untuk menyempurnakan pengabdian dan ketaatan kita kepada Allah SWT semata-mata. Semoga Allah SWT sentiasa memimpin dan memandu perjalanan muktamar kita ini menuju ke arah keredhaanNya jua.

Saya bagi pihak DMPP mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya majlis perasmian muktamar kali ini telah dapat disempurnakan bersama-sama dengan Dewan Ulama dan Dewan Pemuda pada malam tadi oleh Mursyidul Am, YAB Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat. Kepada beliau kita mengucapkan jutaan terima kasih.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran tuan-puan, saudara-saudari sekalian sejak dari malam tadi hinggalah ke pagi ini pada muktamar kita kali ini. Semoga dengan kehadiran semua akan dapat memeriahkan lagi dan melancarkan perjalanan muktamar kita ini serta berjaya merumuskan satu natijah yang cemerlang.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PERUBAHAN YANG POSITIF

Buat pertama kalinya dalam sejarah PAS, muktamar Dewan-Dewan Ulama, Pemuda dan Muslimat kali ini diwakili oleh perwakilan yang diangkat daripada peringkat kawasan-kawasan seperti yang telah termaktub pada Perlembagaan PAS (Pindaan 2009). Bukan lagi perwakilan yang dipilih oleh muktamar Dewan Muslimat PAS Negeri-Negeri seperti yang telah dijalankan pada masa lalu.

Saya bersama-sama dengan saf kepimpinan DMPP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh anggota parti yang telah berani membuat perubahan dan pembaharuan ini ke arah sebuah gerakan yang lebih demokratik.

Sememangnya PAS sebagai sebuah gerakan siasah dan dakwah merupakan satu gerakan massa yang bertunjangkan Islam yang dinamik, maju dan memberikan keadilan serta harapan untuk semua. Satu landasan Islam yang diperjuangkan secara istiqamah, iaitu Islam sebagai "ad-Deen" – satu cara hidup yang amat relevan untuk hari ini hingga datangnya hari kiamat.

Sebagai sebuah gerakan yang dinamik, PAS tentu sekali akan terdedah kepada perubahan dan pembaharuan mengikut keperluan semasa. Perubahan dan pembaharuan pada pendekatan dan tatacara gerak kerja yang berhikmah tanpa menggadai prinsip-prinsip Islam dan perjuangan parti.

Sebenarnya perubahan dan pembaharuan ini tidak menjejaskan matlamat perjuangan Islam, bahkan akan semakin menyemarakkan lagi arus perjalanan parti dan menggalakan setiap anggotanya agar proaktif dan siap-siaga sepanjang masa.

Firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'dd: ayat 11;

Yang bermaksud:

".... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Oleh itu besarlah harapan kita bersama agar perkembangan dan perubahan ini; iaitu penglibatan Dewan Muslimat PAS Kawasan-Kawasan secara langsung bermuhasabah dan merancang hala tuju di dalam muktamar DMPP, akan mencapai matlamatnya serta mengukuhkan parti.

Kita juga yakin bahawa perubahan dan pembaharuan yang berlaku ini akan membuahkan hasil yang baik bagi menjamin kelangsungan sebuah gerakan yang tersusun rapi; antaranya:

- i. Menkuat dan mengemaskinikan struktur organisasi parti,
- ii. Mempereratkan ukhuwah Islamiyah di antara ahli-ahli dan pimpinan di semua peringkat,
- iii. Ahli-Ahli akar umbi mendapat dan menerima amanat serta maklumat secara langsung dari peringkat tertinggi parti

- iv. Merencanakan lagi aktiviti-aktiviti parti yang terancang disemua peringkat, setelah pimpinan DMPK mendapat input dan meneliti pelbagai pandangan yang telah dirumuskan oleh semua pihak terlibat,
- v. Membantu dan memandu pimpinan tertinggi parti memahami permasalahan dan keperluan anggota parti di peringkat akar umbi,
- vi. Melatih kepimpinan di peringkat akar umbi untuk bersedia menjadi anggota sebuah parti pemerintah yang prihatin terhadap suasana sekitar dan keperluan masyarakat,
- vii. Menyerlahkan lagi PAS sebagai sebuah gerakan siasah dan dakwah yang demokratik serta dinamik.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

50 TAHUN PERJUANGAN MUSLIMAT

Sesungguhnya masa begitu cepat berlalu, secara sedar atau tidak muktamar kali ini adalah muktamar buat kali ke 50. Perjuangan muslimat telah mencapai ke usia emas. Adalah amat baik sekali kita menoleh ke belakang sejenak bagi memintas halangan dan melaju terus ke depan dengan yakin dan betul ke arah destinasi yang dituju.

Dalam usia emas ini, destinasi murni perjuangan kita di dunia ini seperti apa yang tercatat dalam Perlembagaan PAS, Fasal 5; iaitu memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah SWT, masih belum terhasil sepenuhnya.

Perjalanan kita masih jauh lagi ke depan, namun kita tetap bersyukur ke hadarat Ilahi, walaupun laluan yang kita tempuhi ini dipenuhi dengan onak dan duri. Kita masih lagi diberikan kesempatan, peluang dan kekuatan oleh Allah SWT untuk terus beristiqamah.

Perjuangan yang kita warisi ini dari para anbia' merupakan sunnah perjuangan kebenaran yang berliku-liku yang menuntut kita terus istiqamah dan bergantung harap serta memohon pertolongan dari Ilahi.

Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah: ayat 42;

Yang bermaksud:

" Kalau apa yang engkau serukan kepada mereka (wahai Muhammad) sesuatu yang berfaedah yang mudah didapati, dan satu perjalanan yang sederhana (tidak begitu jauh), nescaya mereka akan mengikutimu; tetapi tempat yang hendak dituju itu jauh bagi mereka....."

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

MUSLIMAT PENGGERAK KEMENANGAN

Di dalam medan pilihan raya telah terbukti para muslimat dengan izin Allah SWT menunjukkan prestasi gerak kerja yang cemerlang. Muslimat PAS terlibat terus dengan semua gerak kerja perancangan dan kempen serta tugas di hari mengundi.

Penglibatan muslimat PAS dalam pilihan raya secara tradisi mampu menjadi satu "*weightage*" – nilai tambah bagi membantu kemenangan calon-calon Pakatan Rakyat. Gerak kerja terancang muslimat menjadi satu aset penting dan strategik dalam menyusun jentera pilihan raya Pakatan Rakyat.

Muslimat PAS sanggup meredah bukit dan lurah, berpanas dan berhujan untuk sampai ke pengundi-pengundi yang akan disantuni dengan baik. Walaupun berbagai sindiran, tomahan keji dan maki hamun di lemparkan oleh mereka yang jahil dan terpengaruh dengan hasutan serta strategi jahat lawan.

Syabas! kepada para muslimat. Sebenarnya tiada siapa boleh menafikan bahawa kejayaan Pakatan Rakyat menghalang Barisan Nasional untuk mendapat jumlah kerusi dua pertiga di Parlimen, juga kejayaan Pakatan Rakyat menawan lima buah negeri pada PRU 12 lalu adalah sebahagian dari sumbangan dan titik peluh serta keringat anggota-anggota jentera pilihan raya muslimat PAS.

Oleh itu rakyat telah dapat melihat sendiri dan telah menjadi bukti kukuh bahawa penglibatan muslimat di dalam medan pilihan raya adalah sebagai penggerak kemenangan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada para muslimat yang terlibat sekalian di atas pengorbanan dan kesungguhan yang telah ditunjukkan, baik pada pilihan raya umum mahupun pilihan raya kecil.

Terkini pada Pilihan Raya Kecil Sibul, berkat dari pengorbanan dan komitmen yang telah diberikan oleh muslimat bersama kontinjen PAS bagi membantu kempen, Pakatan Rakyat telah berjaya menawan kerusi parlimen Sibul.

Sebenarnya Muslimat PAS mampu berganding bahu bersama Pakatan Rakyat dalam menjayakan hasrat bagi membawa harapan baru untuk Malaysia. Muslimat PAS bersedia bersama pemimpin wanita Pakatan Rakyat yang lain untuk memimpin wanita di seluruh Malaysia mengorak langkah menuju ke arah Malaysia yang adil, sejahtera dan berkeadilan untuk rakyatnya.

Justeru itu Muslimat PAS mestilah terus bangkit menyusun saf, siap-siaga memperkemaskan diri untuk mendepani tugas dan tanggungjawab yang telah lama kita pikul bersama. Tugas dan tanggungjawab siasah dan dakwah yang berjalan selari dengan segala kesungguhan.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Hajj: ayat 78;

Yang bermaksud:

"Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang bersungguh-sungguh. Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamaNya) dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama..."

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

DASAR PENDEKATAN POLITIK PENYELAMAT

Pendukung dan penyokong PAS kini tidak lagi terbatas atau tertumpu pada sesuatu golongan saja. Kita telah sama-sama menyaksikan dengan izin Allah SWT Yang Maha Bijaksana, perjuangan PAS telah memecah tembok dan melampaui sempadan kaum, budaya dan agama. "PAS For All" – PAS untuk semua, sudah hampir menjadi kenyataan.

Sesungguhnya inilah satu nikmat dan kemuliaan yang telah dikurniakan oleh Allah SWT, *Ya zal jala liwal ikram*, pada pejuang-pejuang agamaNya. Setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kepada Allah SWT Yang Maha Berkuasa terhadap pemberianNya itu.

Pada kesempatan ini, Dewan Muslimat ingin mengulangi beberapa dasar utama yang menjadi pegangan parti kita. Dasar-dasar yang telah teruji dan telah menjadi penyelamat politik negara yang kini sudah hampir hancur. Keadaan negara sekarang sebenarnya sebagaimana yang telah digambarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Idris Jala boleh jadi bankrupt dalam tempoh 9 tahun lagi, hanya kerana tidak cermat dan telus mengurus strategi pemberian subsidi.

Dasar-dasar utama yang telah disepakati itu haruslah kita hazam dan hayati agar kita tidak akan mudah terpesong dengan umpan dan pujukan serta diperalatkan oleh lawan atau musuh kita. Antara nya ialah:

Muwajahah silmiyah – perjuangan secara aman

Dewan Muslimat akan terus istiqamah dengan dasar *muwajahah silmiyah* yang didukung oleh PAS di bawah kepimpinan Ulama'. Komitmen kita teguh terhadap perjuangan dengan mengambil pendekatan aman dan menafaatkan peluang suasana demokratik dalam menyelesaikan permasalahan ummah.

Dasar perjuangan yang mengutamakan kebijaksanaan menangani permasalahan secara bermesyuarah di meja perundingan, memberikan penerangan dan berjuang di pentas rakyat, berdakwah dan berdebat serta berhujah di Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Muttaqin na imaama – pemimpin yang bertaqwa

Dewan Muslimat akan terus mempertahankan konsep kepimpinan Ulama'. Kita akan terus berjuang di bawah kepimpinan yang bertaqwa kerana taqwa sajalah dapat mendekatkan diri kita dengan Allah Rabbul Jalil dan mendapat kemenangan di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT di dalam surah an-Nur: ayat 52;

Yang bermaksud:

" Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, dan takut melanggar perintah Allah serta bertaqwa (menjaga diri dari azab Allah), maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan."

Sesungguhnya tanpa taqwa kita akan mudah tertipu oleh bisikan hawa nafsu yang tidak mengenal batas serta tipu muslihat dan hasutan syaitan yang durjana. Walaupun kita mungkin cemerlang di bidang akademik, pakar dalam perniagaan, cekap dalam pengurusan, tiada sesiapa yang dapat menolong kita dari ketelanjangan tanpa hidayah serta taufik dari Allah SWT.

Tahaluf siasi – kerjasama politik

Dewan Muslimat akan terus mendukung dasar *tahaluf siasi* yang dilaksanakan oleh PAS Pusat. Kita akan bersama-sama mengukuhkan penglibatan dan sumbangan Dewan Himpunan Penyokong PAS dan bersama-sama berperanan dalam Pakatan Rakyat.

Kita juga tidak menyokong sama sekali sebarang kerjasama politik dengan UMNO dan Barisan Nasional yang telah mengkhianati amanah rakyat serta sangat memusuhi perjuangan kita. Namun kita masih bersedia membuka pintu dialog dengan sesiapa saja demi menjaga masalah dan kesejahteraan ummah.

Sikap terbuka ini selari dengan peruntukan dalam Perlembagaan PAS (Pindaan 2009) pada Fasal 6 ceraihan (11) yang menegaskan bahawa PAS akan melakukan apa-apa jua usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan Undang-Undang Negara bagi mencapai semua tujuan-tujuan PAS ke dalam dan ke luar.

Firman Allah SWT di dalam surah an-Nahli: ayat 125;

Yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

PAS for all – PAS untuk semua

Dewan Muslimat akan terus mendukung dasar dan strategi terbuka “Pas For All”. Keyakinan dan sokongan bukan Islam atau belum muslim terhadap kita di dalam Dewan Himpunan Penyokong PAS sendiri ataupun NGO-NGO di luar akan diperteguhkan.

Kita akan mempereratkan hubungan dan dialog antara budaya dan agama dengan berbagai golongan dan etnik minoriti bukan Islam. Muslimat peringkat akar umbi akan diminta mendekati dan menyantuni kalangan minoriti yang tertindas serta melebarkan ruang dakwah Islamiyah pada kesempatan yang ada.

Negara berkeadilan

Dewan Muslimat akan terus menjadikan kebajikan rakyat antara agenda utama gerak kerja terancang. Selama ini kerja-kerja kebajikan telah dapat menjernihkan pandangan serong dan label-label jahat yang ditanam oleh musuh kita kepada masyarakat awam. Agenda membantu rakyat miskin ini akan

berterusan tanpa mengira musim. Adalah menjadi tuntutan Islam untuk kita membantu golongan miskin dan tertindas ini.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah: ayat 48;

Yang bermaksud:

“... Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebajikan (beriman dan beramal soleh)....”

Kemiskinan yang berleluasa terutama di luar bandar dan penempatan peneroka di pinggiran bandar bukan saja dalam bentuk miskin harta malah juga miskin aqidah. Dewan Muslimat akan bersama-sama meneruskan misi dakwah dan kuliah-kuliah pengajian awam bagi membantu mereka keluar dari kejahilan.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

DAKWAH JATI DIRI HIDUP MUSLIMAT

Seringkali kita diingatkan bahawa kerja-kerja dakwah, iaitu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah perbuatan mungkar adalah jati diri ataupun “*core business*” kita.

Sebenarnya dengan melaksanakan tugas amar makruf nahi mungkar ini sajalah satu-satunya ciri yang selamat untuk melayakkan kita menjadi sebaik-baik umat serta penyelamat umat. Juga melayakkan kita untuk mendapat pertolongan dari Allah SWT.

Firman Allah SWT di dalam surah ali Imran: ayat 110;

Yang bermaksud:

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang keluar kepada manusia, kamu menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah.”

Dakwah Islam mesti bergerak tanpa henti dan terus meresap masuk ke dalam jiwa manusia di luar sana. Disamping tidak mengabaikan tarbiyah di kalangan ahli-ahli muslimat sendiri, program-program keluar yang menyentuh isu-isu kehidupan sekitar masyarakat bagi memantapkan aqidah dan iman hendaklah diketengahkan dan disusun dengan rapi.

Pendekatan yang kreatif dalam menyaji hidangan dakwah yang berunsur hiburan bersahaja tetapi menyelitkan pendidikan akhlak terutama untuk menarik para remaja kini yang semakin terpesong dari landasan Islam hendaklah dijana dengan penglibatan remaja itu sendiri.

Sesungguhnya kemelut maksiat dan kemungkaran yang berleluasa kini dalam bentuk gejala penderaan pembuangan bayi, lari dari rumah, berzina, sakit mental dan kemurungan, penyalahgunaan dadah berbahaya dilihat bertambah serius, menunjukkan keperluan dan tugas dakwah menjadi amat penting bagi merawat barah penyakit sosial ini.

Dewan Muslimat mengajak semua terlibat, badan-badan amal dan dakwah, NGO kebajikan dan sukarelawan, institusi pembangunan modal insan awam dan swasta, juga institusi berwajib di pihak pemerintah bersama-sama berganding bahu melaksanakan agenda besar merawat barah sosial ini.

Dewan Muslimat juga ingin menegaskan bahawa sebarang pendekatan bagi mendepani kemelut sosial ini perlulah selaras dengan prinsip-prinsip fitrah kejadian manusia itu sendiri. Antaranya ialah;

Pengabdian diri kepada Allah SWT

Pengabdian diri kerana Allah semata-mata adalah teras kepada kesedaran bagi mereka yang telah terpesong untuk mengenali diri dan pulang ke pangkal jalan. Prinsip asas dari rukun iman yang pertama ini akan menyedarkan mereka kepada tanggungjawab terhadap Allah SWT daripada terus terpesong hanya mengejar kemasyhuran dan nama, wang ringgit dan harta benda, pangkat dan kemewahan dunia.

Kesedaran terhadap tanggungjawab mereka kepada Allah disamping mengenali diri sebagai hamba Allah, akan dapat menghapus sifat-sifat mazmumah yang bertuhankan hawa nafsu.

Ibadah yang penuh keikhlasan

Prinsip menunaikan ibadah dengan penuh keikhlasan ini dapat mengawal diri kita daripada melakukan pengkhianatan, penyelewangan dan penganiayaan terhadap sesama manusia. Prinsip dari rukun iman kedua iaitu percaya kepada malaikat ini akan menjadikan kita telus dan berhati-hati terhadap tindak-tanduk kita kerana keyakinan bahawa malaikat raqib dan atiq di kiri kanan kita sentiasa tidak leka dari mencatat segala amalan kita untuk dibentangkan di akhirat kelak.

Kehidupan merupakan satu proses pembelajaran

Melayari bahtera kehidupan memerlukan kita belajar mendepani rintangan dan mencari panduan. Prinsip pembelajaran dari rukun iman ketiga iaitu percaya kepada kitab (al-Quran) ini memandu kita ke arah kesejahteraan dan kejayaan. Tanpa panduan wahyu dari Allah, kesudahan hidup kita akan kecewa kerana kita akan teraba-raba dalam kegelapan dan tidak berupaya menghadapi segala rintangan serta menjadi mangsa pada mereka yang lebih cerdik dan kuat dari kita.

Makhluk ciptaan Allah memerlukan kepimpinan

Kehidupan manusia akan terumbang-ambing tanpa kepimpinan. Prinsip kepimpinan dari rukun iman keempat iaitu percaya kepada Rasul, akan membimbing kehidupan kita ke matlamat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Rasul yang diutuskan oleh Allah sebagai "uswatun hasanah" – contoh teladan yang perlu diikuti. Contoh teladan yang dapat menyelamatkan kita dari kemusnahan.

Mencapai kejayaan perlukan wawasan

Melayari bahtera kehidupan memerlukan wawasan atau matlamat dan destinasi yang hendak dituju. Prinsip ini dari rukun iman kelima iaitu percaya kepada hari akhirat melahirkan manusia yang tahu kemana arah yang hendak dituju. Wawasan yang akan melahirkan manusia yang sentiasa menghitung

setiap tindak- tanduknya agar mencapai matlamat yang dituju dengan jayanya. Wawasan ini juga akan dapat memelihara kita dari tersasar dan keluar dari landasan sebenar.

Wawasan perlu kepada keyakinan dan keupayaan mencapai matlamat

Mencapai wawasan yang kita idam-idamkan perlu kepada keyakinan diri dan keupayaan kita berusaha sampai ke matlamat yang dituju. Prinsip dari rukun iman keenam iaitu percaya kepada qada dan qadar Allah dapat memandu dan membantu kita ke arah kejayaan. Allah SWT Maha Pencipta sudah pasti Maha Mengetahui akan keperluan yang terbaik untuk makhluk ciptaanNya. Di atas qada dan qadarNya kita diberikan al-Quran sebagai panduan dan Rasul sebagai pemudah cara.

Semua keperluan manusia telah dicukupkan oleh Allah SWT. Lantas tiada apa lagi yang kita perlukan, kecuali hanyalah kurniaan dan lempah rahmatNya.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

MERUNTUH JURANG YANG MELEMAHKAN

Muslimat PAS mesti keluar dari budaya negatif yang merugikan jamaah kita. Jauhilah sikap mencari kesalahan sahabat seperjuangan di dalam jamaah hanya disebabkan perselisihan pendapat. Bagi kita kepelbagaian pendapat dan pendekatan adalah satu rahmat. Ianya perlu bijak diuruskan pada landasan syarak agar menghasilkan rumusan serta natijah yang cemerlang.

Hindarilah budaya hanya pandai memberi kritikan melulu yang tidak berhemah, menyakiti hati sesama anggota jamaah yang akan menghilangkan rasa hormat terhadap pemimpin dan orang yang dipimpin. Semua kritikan bernas mestilah disusuli dengan tindakan yang berkesan dan praktikal. Utamakanlah akhlak berjamaah dalam segala urusan setiap masa, agar kita dapat menghimpun sebanyak mungkin pahala berjamaah untuk bekalan kita di akhirat kelak.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah: ayat 195;

Yang bermaksud:

“ Dan infakkanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Semestinya para pendukung PAS perlu menghindari budaya mempercayai berita-berita negatif angkara propaganda media tajaan musuh Islam tanpa usul periksa terlebih dulu dari mana puncanya berita itu. Saranan keperluan berhati-hati terhadap berita ini dirakamkan oleh Allah SWT pada al-Quran di dalam surah al-Hujuraat: ayat 6;

Yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan.”

PENUTUP

Muslimat yang dikasihi sekalian, sedarilah bahawa apapun jawatan yang diamanahkan kepada kita, sama ada Ketua dan Ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat di pelbagai peringkat, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, EXCO dan Ahli Parlimen mahupun Senator, jika kita hayati dan amalkan inisiatif dari ayat-ayat Allah SWT tersebut, insya Allah kita akan berada pada jalan yang betul untuk mencapai keredhaanNya.

Penghayatan terhadap nilai-nilai yang luhur tersebut akan menyerlahkan kewibawaan kita serta meletakkan para pendukung muslimat PAS mampu memimpin dan menjana perubahan untuk kesejahteraan yang diingini oleh semua rakyat Malaysia.

Juga melayakkan kita memikul amanah besar yang tidak dapat dilaksanakan oleh makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Firman Allah SWT di dalam surah al-Ahzaab: ayat 72;

Yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya; dan (pada ketika itu) manusia sanggup memikulnya.”

Akhir sekali, marilah kita dengan segala rendah hati memohon agar Allah SWT memberkati Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat kali ke 50, supaya berjaya menjana rumusan dan tindakan susulan yang matang.

Sekian. Wabillahi taufiq wal hidayah. Wa Salaamu'Alaykum wa rahmatullahi wa barakaatuh.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

@Dewan Muslimat PAS Pusat.
Putik, Pengkalan Chepa,
Kelantan Darul Naim, 9 Jun 2010.